

JPN PERAK

2020

Modul#learning@home

SEJARAH-K1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



TINGKATAN

4



TEMA : PEMBINAAN NEGARA

TAJUK 10 : PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR

BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

5.1 : LATAR BELAKANG PENUBUHAN TANAH MELAYU 1948

1 Jadual berikut menunjukkan perubahan sistem pemerintahan di Negara kita.

1946	1948
Malayan Union	Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah Malayan Union diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948? Ms 126

- A Membangunkan ekonomi Tanah Melayu
- B Malayan Union ditolak oleh Penduduk Tempatan
- C Menyatupadukan penduduk Tanah Melayu
- D Menyekat campur tangan kuasa luar

2 Maklumat berikut berkaitan dengan jawatankuasa yang dibentuk pada 25 Julai 1946 di Tanah Melayu.

Jawatankuasa Kerja
3 orang wakil UMNO
4 orang wakil Raja-raja Melayu
6 orang wakil Kerajaan British

Apakah matlamat jawatankuasa tersebut? Ms 126

- A Merangka Perlembagaan
- B Membincangkan tarikh kemerdekaan
- C Menyeragamkan sistem pentadbiran
- D Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

Memulakan tugasnya pada awal bulan Ogos 1946 sehingga pertengahan bulan November 1946 dan menyediakan cadangan.

Antara yang berikut, yang manakah cadangan-cadangan jawatankuasa tersebut? Ms 127

- I Menamatkan institusi beraja
 - II Syarat kewarganegaraan yang ketat
 - III Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
 - IV Menyatukan Singapura dengan negeri-negeri Melayu
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Gambar 1 menunjukkan tokoh-tokoh yang menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.



Gambar 1

Mengapakah golongan di atas membidas kerajaan British? Ms 128

- A British tidak menjaga kebajikan rakyat
- B British mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
- C British menyebabkan ekonomi Tanah Melayu merosot
- D Mengadakan rundingan secara tertutup dengan UMNO

5 Senarai berikut menunjukkan kumpulan yang menyertai AMCJA.

- Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU)
- Malayan Democratic Union (MDU)
- Malayan Indian Congress (MIC)

Mengapakah kumpulan tersebut menolak perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ? Ms 128

- A Jawatankuasa Kerja tidak melibatkan wakil UMNO
- B Jawatankuasa Kerja hanya terdiri daripada pegawai British
- C Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu
- D Jawatankuasa Kerja tidak melibatkan Majlis Raja-raja Melayu

6 Maklumat berikut berkaitan dengan buku yang dihasilkan oleh Ahmad Boestamam.

Testament Politik API

Apakah yang ditegaskan oleh beliau dalam buku tersebut? Ms 129

- A British mengambilkira pandangan nasionalis Melayu radikal
- B British menganggap Melayu Radikal sebagai pejuang bangsa
- C British bertindak menindas golongan nasionalis Melayu radikal
- D British menganggap asas-asas perjuangan *API* tidak membahayakan

7 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan nasionalis Melayu Radikal.

Bahawa sekalipun kemerdekaan telah dicapai oleh golongan *moderate*, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan.

Siapakah pemimpin yang menyatakan pandangan di atas? Ms 129

- A Ahmad Boestamam
- B Ishak Haji Muhammad
- C Dr. Ismail Abdul Rahman
- D Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud

8 Gambar 2 menunjukkan nasionalis Melayu radikal yang telah menerbitkan akhbar *Suara Rakyat*.



Gambar 2

Apakah idea yang dicetuskan oleh beliau melalui akhbar tersebut? Ms 129

- A Ingin bebas dan Merdeka
- B Berkompromi dengan pihak British
- C Mengukuhkan sistem pemerintahan
- D Menyokong Persekutuan Tanah Melayu

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan perlembagaan yang dihasilkan oleh AMCJA –PUTERA untuk menggantikan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Perlembagaan Rakyat 1947

Apakah cadangan yang dikemukakan dalam perlembagaan tersebut? Ms 130

- I Kewarganegaraan yang sama bagi semua
 - II Penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia
 - III Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu
 - IV Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 10 Gambar 3 menunjukkan Hartal sebagai tindakan bantahan kerana British menolak Perlembagaan Rakyat.



Gambar 3

Apakah yang dimaksudkan sebagai Hartal ? Ms 131

- A Mengadakan tunjuk perasaan
- B Menganjurkan aktiviti keganasan
- C Memusnahkan kawasan perlombongan
- D Menutup kedai dan memberhentikan kegiatan ekonomi

5.2 : FAKTOR PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

11 Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu adalah selaras dengan Piagam Atlantik 1941?

Apakah matlamat prinsip Piagam Atlantik tersebut?ms 133

- A Mengembalikan keamanan
- B Mengadakan rundingan dengan Parti Komunis Malaya
- C Pelaksanaan dasar perlindungan British ke atas wilayahnya
- D Penamatan perluasan kuasa selepas berlakunya peperangan

12 Maklumat berikut berkaitan perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu selepas pembubaran Perlembagaan Malayan Union 1946.

Pada 18 Julai 1946 di King's House, Kuala Lumpur, British telah mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu .

Rajah 1

Pada pendapat anda, mengapakah British bersetuju untuk mengadakan rundingan tersebut? ms 133

- I Mewujudkan politik yang stabil
- II UMNO dan Raja-raja Melayu berpengaruh
- III British memahami pemikiran UMNO dan raja-raja Melayu
- IV Sikap sederhana UMNO dan raja-raja Melayu tidak menuntut kemerdekaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah yang dimaksudkan dengan dasar dekolonisasi?ms 132

- A Mengembalikan keamanan
- B Memberi latihan ke arah berkerajaan sendiri
- C Memajukan taraf sosioekonomi rakyat tempatan
- D Mengadakan rundingan dengan Parti Komunis Malaya

14 Jadual 1 berikut menunjukkan perubahan sistem pemerintahan di negara kita.

Tahun	
1946	1948
Malayan Union	Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah perubahan tersebut berlaku? ms 133

- A Kebangkitan orang Melayu
 - B Membangunkan ekonomi
 - C Menyatupadukan pelbagai kaum
 - D Penentangan orang dagang
- 15 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 didorong oleh beberapa faktor. Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 dibentuk? ms 132 - 133
- I Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
 - II Gesaan Piagam Pasifik 1941
 - III Penentangan orang dagang terhadap Malayan Union
 - IV Sokongan pentadbir British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Maklumat berikut merupakan sebahagian daripada petikan surat bantahan terhadap pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. **ms 132**

“...Tiada seorang pun yang dapat menahan daripada berduka-cita terhadap perbuatan tergopoh-gapah dalam menentukan nasib sesuatu bangsa. Saya telah menurunkan tandatangan oleh sebab saya dipaksa dan dilakukan secara terburu-buru. Tidak boleh dikatakan saya telah bersetuju dengan butir di dalam Malayan Union.

Sumber: Mohd. Tajuddin Abdul Rahman, 1987. Dato'Onn Jaafar. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Kata-kata tersebut diucapkan oleh

- A Sultan Kedah
 - B Sultan Johor
 - C Sultan Perak
 - D Sultan Selangor
- 17 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan lawatan wakil ahli Parlimen British ke Tanah Melayu.

Tahun	Wakil Ahli Parlimen British	Peristiwa
1946	L.D Gammans David Rees Williams	X

Apakah X? ms 132

- A Pilihan raya Majlis perbandaran Kuala Lumpur
- B Pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaya
- C Perpaduan orang Melayu dalam menentang Malayan Union
- D Tuntutan masyarakat Melayu untuk menuntut kemerdekaan.

18 Gambar 4 merupakan kandungan Piagam Atlantik seperti di atas telah diisytiharkan pada bulan Ogos 1941.



Gambar 4

Piagam ini telah dirangka oleh ms 133

- A Perancis
- B Jerman
- C Belanda
- D Britain

19 Maklumat dalam jadual 3 berkaitan dengan Malayan Union. ms 132

Tarikh	27 Mei 1946
Tempat	Kuala Kangsar, Perak
Kehadiran	Wakil kerajaan British dan Raja-raja Melayu
Agenda	Rundingan berkaitan isu Malayan Union

Jadual 3

Raja-raja Melayu telah mencadangkan beberapa perkara dalam rundingan tersebut.

Antaranya cadangan tersebut ialah

- I jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor
 - II penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan
 - III raja berkuasa mutlak dalam perundangan
 - IV Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua Negeri-negeri Melayu
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 20 Gambar 5 berikut merupakan reaksi orang Melayu dan Raja-raja Melayu membantah pelaksanaan Malayan Union telah memberi impak besar kepada pentadbiran British di Tanah Melayu sehingga membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Gambar 5

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada insiden tersebut? ? ms 133

- A Berdaya saing dan kritis
- B Bersabar dan sentiasa tabah
- C Sentiasa tegas dan berintegriti
- D Sopan dan sentiasa berhemah tinggi

5.3 : CIRI-CIRI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- 21 Bagaimanakah British mengembalikan kedaulatan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948? Ms 134
- A Sultan bertanggung jawab dalam hal pentadbiran negeri masing-masing
 - B Rang undang-undang baharu harus mendapat perkenan Majlis Raja-Raja
 - C Ahli Majlis Perundangan Persekutuan mempunyai wakil Raja-raja Melayu
 - D Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi dan wakil Raja-raja Melayu

22 Apakah ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? Ms 134

- I Penggabungan 11 buah negeri
- II Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
- III Pentadbiran negeri diketuai oleh Residen
- IV Pelantikan Menteri Besar sebagai ketua kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Apakah syarat-syarat kewarganegaraan bagi orang bukan Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948? Ms 135

- I Boleh berbahasa Melayu
- II Menetap 15 tahun di Tanah Melayu
- III Wajib memahami adat dan budaya Melayu
- IV Lahir sebelum penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 *Jus Soli* hanya terbuka kepada *rakyat Raja* dan *rakyat British*.
Apakah yang difahami dengan *rakyat Raja* ? Ms 135

- A Orang dagang yang lahir di Tanah Melayu
- B Orang dagang yang lahir di Negeri-negeri Selat
- C Orang Melayu yang lahir di luar negeri
- D Orang Melayu yang lahir di sesebuah Negeri Melayu

5.4 : KESAN PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- 25 Gambar berikut menunjukkan Raja-raja Melayu bergambar di hadapan King's House, Kuala Lumpur pada 21 Januari 1948, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah manfaat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu? Ms 136

- A Penubuhan Majlis Raja-Raja
 - B Pemansuhan sistem pewarisan takhta
 - C Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
 - D Pentadbiran diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong
- 26 Maklumat dalam Jadual berikut adalah berkaitan dengan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1948	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu? Ms 136

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Parti-parti politik digabungkan
- C Syarat kerakyatan dipermudah
- D Hak istimewa dilindungi

27 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan satu kejayaan kepada orang Melayu yang menentang Malayan Union.
Mengapakah orang Melayu menerima penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
Ms 136

- A Mengukuhkan ekonomi peribumi
- B Membuka ruang ke arah berkerajaan sendiri
- C Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- D Mengiktiraf kepentingan sah kaum bukan Melayu

28 Jawatankuasa berikut dibentuk selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (Communities Liason Committee)

Apakah peranan jawatankuasa tersebut? Ms 137

- A Merangka kontrak sosial pelbagai kaum
- B Membentuk parti politik berasaskan kaum
- C Mewujudkan kerjasama pemimpin pelbagai kaum
- D Menentukan kepentingan sah kaum bukan Melayu

29 Maklumat berikut berkaitan peristiwa di Tanah Melayu.

British bersetuju membubarkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948

Mengapakah British bersetuju melakukan perubahan tersebut? Ms 137

- A Memenuhi desakan orang dagang
 - B Desakan tuntutan golongan radikal
 - C Kekuatan perpaduan orang Melayu
 - D Pertambahan bilangan kaum imigran
- 30 Sikap kerjasama antara Raja-raja Melayu dengan pemimpin UMNO telah merealisasikan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Apakah peribahasa yang boleh dikaitkan dengan hubungan tersebut? Ms 137
- A Bagai aur dengan tebing
 - B Air dicincang takkan putus
 - C Biar putih tulang jangan putih mata
 - D Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

JAWAPAN

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	B	21	B
2	D	22	A
3	C	23	A
4	D	24	D
5	C	25	A
6	C	26	D
7	C	27	C
8	A	28	C
9	B	29	C
10	D	30	A
11	D		
12	B		
13	B		
14	A		
15	B		
16	C		
17	C		
18	D		
19	A		
20	C		